

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN

TARIKH: 13 FEBRUARI 2020

MUKA SURAT: 43

Jumlah rumah belum terjual berkurangan



Pelancaran baharu kediaman mampu milik membantu menstabilkan situasi rumah tidak terjual.
(Foto hiasan)

Bank Negara Malaysia mendapati berlaku sedikit penurunan dalam jumlah rumah tidak dijual di negara ini dan penawarannya dijangka mencapai keseimbangan dari segi harga.

Gabenor Bank Negara, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, berkata antara faktor yang membawa kepada keseimbangan adalah pelancaran rumah baharu ketika ini yang semakin tertumpu kepada segmen harga mampu milik.

Katanya, berdasarkan perangkaan sedia ada, jumlah hartanah tidak terjual berkurangan pada suku ketiga 2019 kepada 162,000 unit berbanding 174,000 unit pada suku kedua 2019.

"Terdapat sedikit penurunan dalam jumlah rumah tidak terjual. Dengan lebih banyak pelancaran baharu membabitkan segmen mampu milik akan

membantu menstabilkan situasi rumah tidak terjual," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai situasi rumah tidak terjual di negara ini pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi Malaysia pada suku keempat 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Di samping itu, Bank Negara juga berkata, pemulihan dalam sektor pembinaan pada suku keempat 2019 juga disokong oleh pembangunan kediaman mampu milik.

Berdasarkan definisi Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH), kediaman tidak terjual adalah unit kediaman yang sudah menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CC), tetapi belum terjual lebih daripada sembilan bulan selepas dilancarkan.